

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN
BIL. 1/2001

PENYELESAIAN PERSERAHAN YANG DITERIMA DAN BELUM DIDAFTARKAN

Arahan ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir tanah supaya menyelesaikan perserahan-perserahan yang diterima dan belum didaftarkan sebelum Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer diwartakan.

2. Langkah-langkah penyelesaian ini hendaklah dilaksanakan kerana Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer Fasa II akan diwartakan pada 01 April 2001, dimana semua perserahan akan dilakukan secara berkomputer. Oleh yang demikian, semua Pentadbir tanah diarah menyelesaikan perserahan-perserahan yang diterima sebelum pewartaan SPTB.

3. Semua Pejabat Tanah tidak dibenarkan menutup pendaftaran bagi maksud-maksud penyelesaian perserahan-perserahan yang diterima dan belum didaftarkan. Kerja-kerja penyelesaian hendaklah dilakukan selepas waktu pejabat dan segala tuntutan elaun lebih masa ditanggung oleh pejabat masing-masing.

4. Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

t.t

(Dato' Hj. Md. Yusuf b. Noh)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

KEPADA :

Yang Amat Berbahagia / Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Negeri,
KELANTAN.

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB. Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YBM. Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan Tempatan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU**

FAIL : PTG.KN. 3269 JLD. 2 (55)

BERTARIKH : 21 MAC 2001